



**ARAHAN PENUTUPAN BAZAR RAMADAN HANYA TERPAKAI  
KEPADA 22 BAZAR RAMADAN YANG BERISIKO TINGGI  
PENYEBARAN JANGKITAN COVID-19**



Sejumlah 22 Bazar Ramadan telah diarahkan untuk menutup operasi berkuatkuasa 1 Mei 2021 iaitu daripada jumlah 1,073 Bazar Ramadan yang sedang beroperasi di seluruh negara. Penutupan operasi 22 Bazar tersebut adalah disahkan sebagai kawasan berisiko tinggi penyebaran jangkitan COVID-19.

Berdasarkan data terkumpul daripada laporan sistem Hotspot Identification by Dynamic Engagement (HIDE) yang telah dibangunkan bersama oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bazar-bazar ini telah dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi yang boleh menjadi punca kepada penyebaran jangkitan COVID-19. Sistem HIDE bertujuan untuk memberi amaran awal dalam mencegah ledakan jangkitan COVID-19 dengan menggunakan data daripada aplikasi MySejahtera. Laporan HIDE telah menunjukkan bahawa angka kontak rapat yang tinggi di kalangan pengunjung dan peniaga di Bazar Ramadan yang terlibat.

Sehingga 15 April 2021, sebanyak 904 kes positif COVID-19 yang dilaporkan mempunyai sejarah kunjungan atau dijangkiti oleh individu yang pernah mengunjungi Bazar Ramadan tersebut. Operasi Bazar Ramadan yang terlibat akan ditutup selama tiga (3) hari bagi tujuan sanitasi dan memperkemaskan semula Prosedur Operasi Standard (SOP) di Bazar Ramadan tersebut. Senarai 22 Bazar Ramadan yang terlibat dalam arahan penutupan ini adalah seperti di lampiran.

Sehubungan itu, semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disarankan untuk mengetatkan penguatkuasaan pematuhan SOP di Bazar Ramadan bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Peniaga dan pengunjung juga dinasihatkan agar sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi mengelakkan peningkatan kes COVID-19.

